

**Penganjur Perhimpunan Diminta Terima Lokasi Alternatif Jika Ikhlas -
Hishammuddin
Bernama
25 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein meminta penganjur satu perhimpunan di ibu kota hujung minggu ini supaya menerima lokasi alternatif yang ditawarkan kerajaan dan bukan di Dataran Merdeka sekiranya mereka benar-benar ikhlas memperjuangkan maksud di sebalik perhimpunan itu.

"Jika mereka benar-benar ikhlas mahu adakan perkara ini (perhimpunan) mengapa tidak fikirkan cara dan berbincang secara baik daripada sibuk mencari pelbagai alasan yang langsung tidak masuk akal yang tidak jelas serta konsisten.

"Sekarang mereka bagi alasan tiada masa (memindahkan lokasi perhimpunan) saya rasa orang ramai tidak boleh menerima alasan yang tidak masuk akal.. dan hal ini jelas sekali," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bersama pegawai kanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Menara 1, Bukit Aman, di sini, Rabu.

Kerajaan menawarkan empat lokasi perhimpunan iaitu Stadium Cheras, Stadium Merdeka, Stadium Bukit Jalil dan Stadium Titiwangsa namun penganjur perhimpunan itu yang disokong pembangkang tetap berkeras untuk mengadakannya di Dataran Merdeka.

Beliau berkata sekiranya penganjur perhimpunan tetap berdegil mengadakan perhimpunan di Dataran Merdeka maka pihaknya akan menggunakan cara lain bagi mengatasi perkara tersebut.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661790>